

Runsing setiap kali hujan lebat

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
berita@kosmo.com.my

SUBANG JAYA – Setiap kali hujan lebat, para pemilik dan penyewa kilang di Taman Perindustrian Sungai Penaga di sini pasti runsing kawasan mereka akan dilanda banjir.

KOSMO! difahamkan, sistem perparitan yang tidak sempurna dan sudah lama tidak diselenggara itu menjadi punca kepada masalah banjir di kawasan perindustrian tersebut terutama pada musim hujan sejak empat tahun lalu.


Ahli Parlimen Kelana Jaya, Loh Seng Kok berkata, sebanyak 420 kilang di situ terdedah dengan masalah banjir kerana sistem perparitan sedia ada tidak dapat menampung kapasiti air dari kilang-kilang di situ sehingga menyebabkan banjir.

“Saiz longkang yang kecil dan tidak sempurna menyebabkan air melimpah,” katanya kepada pemberita semasa melawat ke Taman Perindustrian Sungai Penaga di sini semalam.

Menurutnya, keadaan longkang yang tidak ubah seperti tong sampah itu juga menjadi salah satu punca kepada masalah banjir.

“Semua longkang di sini perlu diselenggara mengikut jadual yang betul dan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah ke dalam longkang patut disaman,” ujarinya.

Penasihat Persatuan Pemilik dan Penyewa Kilang Taman Perindustrian Sungai Penaga di sini, Ri-



SENG KOK (kanan sekali) meninjau keadaan parit di Taman Perindustrian Sungai Penaga, Subang Jaya yang tidak sempurna.

chard Foo, 63, memberitahu, sistem perparitan di situ perlu dinaik taraf bagi mengelakkan masalah banjir daripada terus berulang.

“Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) perlu memandang serius perkara ini dan mengambil tindakan secepat mungkin,” tambahnya.

Sementara itu, seorang pengusaha kilang, L.K. Lim, 31, berkata, selain masalah banjir yang kerap

melanda kawasan kilang mereka, para pengguna jalan raya di sekitar kawasan tersebut juga dihantui dengan masalah jalan rosak.

“Jalan-jalan di sini sudah lama rosak dan ini mungkin disebabkan lori-lori yang keluar masuk ke kawasan kilang ini saban hari,” katanya.

Menurutnya, Jalan Subang Empat di taman perindustrian ter-

sebut perlu dibaik pulih dengan segera kerana keadaan jalan yang semakin teruk dan membahayakan para pengguna jalan raya.

Dalam pada itu, Seng Kok juga memaklumkan, satu taklimat Pelancaran Perkhidmatan Bas di Kelana Jaya oleh RapidKL akan diadakan di Dewan Orang Ramai, PJS 10/11, Taman Dato' Hormat di sini pada 10 September ini.